

ADAT PERPATIH MEMPENGARUHI
PERSONALITI SEORANG TUKANG RUMAH

SKI 300

JABATAN PENGAJIAN PEMBANGUNAN KELUARGA
UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA
SERDANG, SELANGOR DARUL EHSAN

1995

UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA

**SKJ : 300
(PERSONALITI)**

**Pensyarah
EN. NORHALIM BIN HJ. IBRAHIM.**

Tajuk

**ADAT PERPATIH MEMPENGARUHI
PERSONALITI SEORANG
TUKANG RUMAH**

**Oleh
FAUZIAH HASHIM (30642)
HAMZAH OTHMAN (29894)
ZULHEMAY MOHD. JIDIN (31008)**

**PROGRAM BAC. PEND. (PBMP)
SEMESTER : 08 (1994/1995)**

Kum 12 .

**SKJ 300
JABATAN PENGAJIAN PEMBANGUNAN
KELUARGA
UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA
SERDANG, SELANGOR DARUL EHSAN
1995**

PENGHARGAAN

Bismillahir Rahmanir Rahim

Syukur Alhamdulillah ke hadrat Allah kerana dengan taufik dan hidayatnya kami telah dapat menghasilkan kajian topik ini. Kami ucapkan jutaan terima kasih kepada mereka yang telah turut memberikan galakan dan bimbingan semasa menjalankan kajian ini.

Pertama sekali kami ingin berterima kasih kepada Encik Norhalim B. Abd. Rahman kerana telah membuka jalan dalam pemilihan kajian topik tersebut dan juga menjadi penasihat yang telah memberikan tunjuk ajar dalam melaksanakan kajian ini hingga jayanya.

Terima kasih juga kepada isteri Encik Hussain B. Ahmad, Temah bt. Dahalim dan anak-anak, cucu-cucu beliau yang telah memberikan segala informasi kepada kami hingga berjaya menyiapkan kajian ini.

Wassallam.

Fauziah Hashim	30642
Hamzah Othman	29894
Zulhemay Mohd. Jidin	31008

SINOPSIS

Perkembangan adat dalam masyarakat Melayu di Negeri Sembilan telah memberikan kesan yang mendalam terhadap masyarakatnya. Apa yang ingin dititik beratkan ialah adat telah berfungsi sebagai satu perlembagaan hidup. Perlembagaan ini juga telah menghasilkan beberapa pemimpin yang berkaliber dan juga dari sikap yang suka bergotong royong, masyarakat telah membentuk dan mendisiplinkan beberapa orang tukang-tukang rumah yang kreatif lagi seni di beberapa daerah seperti Kuala Pilah, Jelebu, Johol, Sungai Ujung dan Rembau di Negeri Sembilan.

Apa yang menyedihkan kini ialah kebanyakan tukang rumah tradisional yang ada di Negeri Sembilan telah beransur kurang dan hampir luput akibat perkembangan teknologi di mana tenaga mereka kurang diperlukan. Tambahan pula penduduk di Negeri Sembilan kini lebih berminat tinggal di rumah-rumah yang diperbuat daripada batu bata, beratap genting dan berlantaikan jubin yang didirikan tanpa tiang dan lantai ke paras tanah. Contohnya tinggal di rumah teres kerajaan adalah satu kebanggaan, walaupun rumah itu sempit. Kebanyakan mereka yang tinggal di rumah jenis ini ada mempunyai

tanah dan rumah sendiri di kampung. Akhirnya rumah yang di kampung akan ditinggalkan kosong hingga dimakan zaman.

Sikap yang begini telah mengakibatkan ramai dari penduduk kampung tidak pandai bertukang lagi, mereka cuma mengharapkan rumah baru yang akan didirikan oleh kerajaan atau pihak swasta. Ada pula yang takut untuk mendirikan rumah kayu tradisional yang besar seperti yang ada sekarang. Akibat penghijrahan penduduk desa ke bandar banyak rumah-rumah yang terbiar dan kosong.

Lantaran dari beberapa aspek yang wujud itu telah melenyapkan beberapa tukang rumah tradisional sehingga kemahiran dan kepakaran mereka lengap begitu sahaja. Apa yang memburukkan lagi apabila rumah-rumah dari hasil tangan sendiri diruntuhkan dan didirikan dengan rumah batu yang indah. Berdasarkan faktor-faktor itulah maka kami mengambil kesempatan untuk merakamkan latar belakang kerja seorang tukang rumah tradisional iaitu Encik Hussain B. Ahmad dari kampung Bukit Keledang, Rembau, Negeri Sembilan. Ini adalah untuk menghidupkan dan mengenang kembali jasa-jasa beliau sebelum nama dan hasil tangannya hapus ditelan masa.

Di sini juga kami mengambil kesempatan untuk menerangkan serba sedikit tentang sistem pembinaan dan konsep ruang di dalam rumah pembinaan beliau yang unik. Sebagai seorang pawang dan seorang ahli Tasauf, beliau benar-benar dapat menghayati erti hidup yang sempurna. Bagi beliau segala aspek penglibatan mestilah bersikap jujur dan ikhlas kerana tuhan semata-mata.

SENARAI GAMBAR FOTO

- Gambar Foto
- 1 - Rumah Anak Perempuan Yang Sulung
 - 2 - Rumah Anak Perempuan Ketiga
 - 3 - Rumah Anak Perempuan Kelima
 - 4 - Rumah Anak Perempuan Ketujuh
 - 5 - Rumah Anak Perempuan Kelapan
 - 6 - Rumah Anak Perempuan Kesembilan
 - 7 - Rumah Cucu Perempuan Kepada Anak Perempuan Kedua
 - 8 - Rumah Cucu Perempuan Kepada Anak Perempuan Keempat
 - 9 - Tangga Batu Yang Pertama Di Bina

ISI KANDUNGAN

Penghargaan	i
Sinopsis	ii
Gambar Foto	v
Isi Kandungan	vi
1.0 Pendahuluan	1
1.1 Definisi Konsep	3
1.1.1 Adat	3
1.1.2 Personaliti	5
2.0 Sejarah Wujudnya Adat	7
2.1 Perbilangan Asal Usul Adat Perpatih	8
3.0 Profil Seorang Tukang Rumah Tradisional	10
3.1 Permulaan Melibatkan Diri Dalam Pertukangan	11
3.2 Personaliti Pawang Dalam Diri Tukang Rumah	14
3.3 Falsafah Beliau Tentang Ruang Di Dalam Rumah	14
4.0 Sistem Pembinaan Dan Bahan	25

5.0 Kerja-Kerja Dan Aktiviti Beliau	27
6.0 Rumusan	43
Bibliografi	

4.0 KONSEP BINAAN RUANG RUMAHNYA YANG PERTAMA

Penyusunan ruang-ruang dalam rumah yang pertama sekali didirikan ada persamaan dengan rumah-rumah tradisional yang terdapat di daerah lain seperti daerah Jelevu, Johol dan Kuala Pilah. Oleh sebab daerah Naning juga berhampiran dengan daerah Rembau maka kedapatan sedikit sebanyak ciri-ciri seni bina rumah tradisional Melaka di dalam reka bentuk En. Hussain Ahmad.

Penyusunan ruang-ruang dalam rumah ini ringkasnya terbahagi kepada 4 bahagian iaitu:

- i. Serambi dan anjung
- ii. Rumah Ibu
- iii. Pelantar
- iv. Rumah Dapur dan Kelongkong Dapur.

i. Serambi

Serambi dan anjung adalah bahagian rumah yang terhadapan sekali. Ruang ini tidak berdinding hingga kekepala tiang (tutup tiang) tetapi terdapat dinding di bahagian hadapan sekali yang tinggi hanya 1 1/2 kaki sahaja dari paras lantai. Tujuannya supaya angin tetap akan berarus menyamankan penghuni yang sedang berihat di anjung tersebut.

Ruang ini juga penting dalam upacara perkahwinan di mana segala Buapak dan Lembaga akan berterasul dalam istiadat menjemput mempelai. Selalunya ruang ini dikhaskan untuk orang lelaki sahaja.

Untuk naik ke ruang serambi, diadakan **Rumah Tangga** yang disediakan dengan tangga kayu. Di hadapan tangga ini dibinakan pangkin untuk duduk-duduk pada waktu petang. Rumah Tangga ini beratap kerana ingin melindungi tangga dan pangkin dari panas dan hujan.

ii. Rumah Ibu

Rumah ibu pula adalah ruang dalam rumah yang terpenting. Ianya adalah tempat penghuni tidur di waktu malam. Di ruang ini juga terdapat tiang seri pada setiap rumah. Dinding bilik tidak akan dipasangkan kepada tiang seri tetapi dijarakkan sedikit sekurang-kurangnya boleh kucing lalu.


Mengikut kepercayaan beliau, tiang seri adalah penghulu kepada segala tiang di dalam rumah dan semangat rumah bertempat di tiang tengah. Ianya mesti ditepung tawar agar segala penghuni atau makhluk yang ghaib tidak mengganggu ketenteraman penghuni di dalamnya.

Terdapat sebuah loteng di paras atas rumah ibu. Loteng adalah lantai yang dibuat di paras kepala tiang. Untuk memudahkan seorang turun naik ke atas, sebuah tangga disediakan. Jika penghuni mempunyai ramai anak perawan, maka loteng ini akan digunakan sebagai tempat tidur mereka. Jika tidak ianya akan digunakan sebagai setor simpanan barang-barang.


Semasa upacara pertunangan, perkahwinan, kenduri-kendara ruang tengah, rumah ibu adalah dikhaskan untuk kaum wanita sahaja. Mengikut ajaran Islam kaum wanita dan kaum lelaki yang bukan muhrim wajib di asingkan. Oleh sebab itulah di dalam rumah terdapat ruang-ruang khas untuk kaum lelaki dan perempuan.

Selalunya pelamin ditempatkan di Rumah Ibu dengan ini kedua-dua pihak dapat melihat mempelai yang sedang bersanding. Di ruang tengah ini akan terdapat satu bahagian di mana lantainya dijarakkan. Sebagai tukang rumah, pengetahuan tentang penggunaan lantai perlu. Penjarakkan lantai ini berfungsi sebagai tempat orang sakit (membasuh najis), tempat perempuan bersalin serta tempat untuk memandikan mayat . Air akan dapat mengalir dengan lancar ke bawah rumah.

Dalam pembinaan rumah lain terdapat sedikit perbezaan tentang Rumah Dapur ini. Rumah-rumah yang jenis lama, lantai rumah dapurnya tinggi dan bertiang tetapi bagi rumah yang di peringkat baru lantainya pula di paras tanah yang dibuat dari simen konkrit. Keaslian reka bentuk berubah-ubah mengikut kehendak penghuni rumah masing-masing.



RAJAH 1 : PELAN RUMAH INCIK HUSSAIN YANG PERTAMA



RAJAH 2 : RUPA RUMAH PERTAMA INCIK HUSSAIN

4.0 SISTEM PEMBINAAN DAN BAHAN

Secara keseluruhannya, sistem pembinaan kesemua rumah binaan beliau adalah mengikut sistem "Tiang dan Rasuk". Ini adalah satu sistem yang paling mudah dan lazim digunakan. Mengikut kebiasaannya tiap-tiap penyambung antara satu satu elemen atau satu komponen tidak menggunakan paku tetapi menggunakan sistem penyambung. Bagi lantainya pula lidah dan lurah digunakan.

Alat pertukangan yang digunakan adalah alatan konvensional, dibuat dan kadangkala direka sendiri seperti pahat, ketam kayu, gergaji, tukul besi beliung dan banyak lagi digunakan untuk kerja-kerja pertukangan dan pembinaan. Untuk membuat tiang, kayu penak atau cengal adalah sangat diminati oleh beliau. Batang pokok buah-buahan seperti durian, langsung dan Macang sering digunakan sebagai tiang. Mengikut kepercayaan beliau pokok leban tidak baik digunakan sebagai bahan binaan kerana akan membawa kecelakaan kepada penghuni rumah tersebut.

Tiang selalu didirikan di atas sebuah asas batu kikir atau granit pada mulanya, lama-kelamaan apabila simen mudah didapati di pasaran batu-batu tidak digunakan lagi. Kadangkala terdapat juga tiang bulat digunakan dibahagian barisan belakang atau tengah

sahaja. Ini adalah kerana kerja-kerja untuk membuat sebatang tiang empat segi memakan masa yang lama. Penggunaan asas batu mempunyai dua tujuan utama. Secara langsung asas batu ini menampung beban agihan dari keseluruhan komponen struktur seperti lantai, dinding bumbung dan menyebarkan beban keseluruhan ke permukaan tanah. Tujuan kedua pula, iaitu untuk mengelakkan bahagian bawah tiang menjadi reput bila terkena air dan juga untuk menghindarkan serangan anai-anai.

Pembinaan lantai pula adalah mudah tidak banyak bezanya dengan cara pembinaan yang ada pada masa ini. Papan-papan dipaku di atas **gelegar** atau **jeriau**. Rasuk selalunya akan mengagihkan beban kepada tiang-tiang. Kadangkala rasuk dipanggil **pelancar** atau **singgitan**. Bagi bumbung pula struktur utamanya ialah kasau jantan atau kuda-kuda. Kasau jantan ini disambut oleh ketunjak langit. Selalunya terdapat tiga pasang kasau jantan di rumah ibu dan ketiga-tiganya diikatkan ke tulang bumbung di bahagian puncaknya. Gulung-gulung dipasang di bahagian lerengan. Di atas gulung-gulung pula diletakkan kayu dimana atap-atap diikatkan kepadanya.

BIBLIOGRAFI

- Abdullah Sidik. (1980). Islam dan Ilmu Pengetahuan, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hijazi Jasmon. (1983). Konsep Uniti Didalam Rekabentuk Rumah Melayu Tradisional di Johor Dari Aspek Ilmu Tasauf, Kajian Topikal.
- Mohd. Hamzah Bin Jumiran. (1980). Senibina Tradisional Negeri Sembilan Dalam Aspek Sejarah, Sosio Budaya, Rekabentuk dan Pembinaan, Lukisan Kerja.
- Mohamed Din Bin Ali. (1957). Sambaan Cakap Dan Pepatah Adat Melayu.
- Syed Muhammad Naquib Al-Atas. (1970). The Misticism of Hamzah Fansuri, Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (1982). Hubungan Antara Undang-Undang Islam Dengan Undang-Undang Adat, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.